


REVOLUSI MENTAL



SENU ABDUL RAHMAN

REVOLUSI MENTAL

disusun oleh
Senu Abdul Rahman


dan

**Ali Haji Ahmad
Rais Sariman
Abdullah Haji Ahmad
Raja Mohd. Affandi
Taib Osman
Wan Mohd. Mahyiddin Wan Nawang
Kahar Bador
Wan Ismail Wan Mahmud
Raja Azman Raja Ismail
Haji Hamzah Alang
Omar Osman
Ali Abdullah
Buyong Adil**

PUSTAKA PERDANA



1005124



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

Perutusan

SAYA mengalu-alukan penerbitan buku *Revolusi Mental* ini yang boleh disifatkan sebagai satu batu tanda yang penting dalam daya pemikiran cerdas pandai kita bagi menggalakkan pembangunan masyarakat Melayu. Ketibaan buku ini amat kena pada masanya memandangkan kepada keperluan-keperluan negara kita hari ini yang sangat bergantung kepada pemikiran yang rasional dan dinamis. Kita sedar antara beberapa sebab orang Melayu tidak dapat menyertai dengan sepenuhnya usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial ialah kemunduran daya pemikiran mereka yang berpunca daripada kekurangan pengetahuan dan dikongkong oleh hidup yang kolot. Akibatnya masyarakat Melayu ketinggalan beberapa tapak di belakang masyarakat lain dalam bidang kemajuan.

Masyarakat Barat hari ini telah mencapai kemajuan ekonomi dan teknologi yang kian meningkat tinggi kerana terdapat di kalangan mereka kumpulan ahli pemikir yang sentiasa berusaha melahirkan idea-idea baru serta bergiat melaksanakan idea-idea itu bagi kepentingan masyarakat mereka. Kita juga mengharapkan akan lahir kumpulan yang serupa dalam masyarakat Melayu yang sanggup bekerja keras bagi menempa jalan-jalan baru sesuai dengan kehendak zaman ini. Zaman moden ini ialah zaman perubahan. Kumpulan yang cergas

fikiran dan tangkas tindakannya pasti akan berjaya. Sebaliknya kumpulan yang statik kerana dikongkong oleh corak hidup dan cara pemikiran yang lama akan tewas dalam perlumbaan ini.

Di Malaysia, kita ingin melihat masyarakat Melayu lebih maju terutama sekali kerana pertaliannya yang amat rapat dengan keadaan muhibah dalam negara. Kemajuan ini akan dicapai hanya jikalau terdapat satu perubahan pemikiran yang besar-besaran dalam masyarakat ini yang akan membolehkan setiap orang anggotanya menyertai dengan berkesan dalam proses pembangunan ekonomi dan sosial. Hal ini bererti nilai-nilai lama yang didapati tidak lagi sesuai dengan kehendak zaman hendaklah digugurkan untuk membuka jalan kepada nilai-nilai baru yang mustahak bagi kemajuan. Kita menghendaki inisiatif dan imaginasi, daya mencipta dan keberanian menyambut cabaran hari depan. Dengan berubahnya cara pemikiran kita, maka dapatlah kita menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk kemajuan rakyat.

Dalam hubungan ini, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia atas kejayaan mereka menyusun buku *Revolusi Mental* ini. Sumbangan mereka ini diharap dapat melahirkan satu corak pemikiran baru di kalangan orang kita. Saya syorkan supaya buku ini dibaca oleh setiap orang Melayu semoga ajaran-ajarannya yang baik akan tersebar luas bukan saja di kalangan orang yang berpelajaran malah di kalangan kaum buruh dan tani demi mewujudkan sebuah negara yang kuat lagi bermoral selaras dengan keperluan manusia sebagai insan kamil.

TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN
 Perdana Menteri Malaysia
 Kuala Lumpur
 20 November, 1970.

Sepatah Kata

PENERBITAN buku ini ialah hasil daripada kegiatan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang semenjak beberapa tahun lagi telah sedar akan peri mustahak adanya sebuah buku yang dapat menjadi panduan kepada seluruh masyarakat Melayu dari segi pemikiran dan tindakannya, agar ia dapat memenuhi kehendak kerajaan baru dalam zaman baru.

Lahirnya buku ini boleh dikatakan atas dorongan Encik Senu Abdul Rahman yang berusaha terus-menerus, baik sewaktu menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO atau pada hari yang kebelakangan ini sebagai Setiausaha Agung UMNO, untuk menjayakannya. Beliau telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Revolusi Mental yang dipengerusikan oleh Ali Haji Ahmad dan Allahyarham Haji Hamzah Alang sebagai Setiausahanya, sementara Abdullah Haji Ahmad menjadi Setiausaha Penyelaras.

Mengikut definisi asal oleh Pemuda UMNO, "Revolusi Mental bertujuan merubah cara berfikir, pandangan dan sikap anggota-anggota masyarakat bagi menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak masa untuk mendorong mereka lebih giat lagi bagi merebut kemajuan dalam segala bidang hidup." Selaras dengan cita-cita ini, maka beberapa Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan pada awal tahun 1968 bagi menyediakan

risalah tentang beberapa aspek Revolusi Mental. Satu risalah ekonomi, tiga risalah pelajaran dan tiga risalah agama dapat dikumpulkan. Dr. Rais Sariman, Prof. Taib Osman, Dr. Kahar Bador dan Omar Osman telah masing-masing membuat sumbangan penting dalam penulisan risalah-risalah ini.

Bagaimanapun, bahan-bahan yang disediakan itu didapati tidak mencukupi bagi sebuah buku Revolusi Mental yang benar-benar lengkap. Kerumitan ini dapat diatasi dengan ketibaan sebuah tulisan oleh Raja Mohd. Affandi yang panjang lebar yang melingkungi semua aspek ekonomi, pelajaran dan agama. Atas persetujuan Setiausaha Agung UMNO, saya mulai menyunting tulisan ini serta risalah-risalah yang telah siap itu semenjak awal tahun ini. Sesetengah bahan saya telah ketepikan, sambil menambahkan bahan lain yang difikirkan perlu.

Sudah selayaknyalah Encik Senu Abdul Rahman sebagai tenaga penggerak di sebalik buku ini menulis Mukadimahnya yang menghuraikan asas-asas dan tujuan Revolusi Mental; sementara saya telah berpeluang menulis Penutupnya. Antara penyumbang lain ialah Ali Abdullah dan Buyong Adil, yang menulis tentang sejarah orang Melayu. Pendapat Wan Ismail Wan Mahmud dan Raja Azman Raja Ismail juga diselitkan di sana sini, sesuai dengan kehendak buku.

Beberapa orang lain turut melibatkan diri dalam menghasilkan buku ini. Antara mereka ialah sekumpulan penuntut Universiti Malaya yang telah menjalankan penyelidikan pelajaran di beberapa kawasan. Selainnya ramai juga telah memberi pendapat penting dalam mesyuarat yang telah diadakan. Mereka termasuk Othman Abdullah, Kamarul Ariffin, Salleh Osman, Mohd. Nor Azam, Ahmad Salleh, Mokhtar Daud, Atan Long, Murad Md. Nor, Abu Bakar Ahmad, Hashim Amir Hamzah, Yusof Majid, Noraihan Ali dan beberapa lagi yang tentulah memerlukan ruangan panjang untuk disebutkan di sini.

Kepada mereka yang telah bersama-sama berusaha menerbitkan buku ini, baik dengan apa bentuk sumbangan sekalipun, saya lafazkan ribuan terima kasih. Semoga usaha-

SEPATAH KATA

usaha mereka itu lambat-laun akan meninggalkan kesan jua ke atas masyarakat Melayu, yang kini sedang menghadapi cabaran *survival*.

WAN MOHD. MAHYIDDIN BIN WAN NAWANG

Ketua Penyelidik

UMNO Malaysia

Kuala Lumpur

17 November, 1970.